

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.3

HUKUM MEMPROMOSIKAN PRODUK INSURANS KONVENTSIONAL MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 2 Muharram 1440 bersamaan 12 September 2018 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-215 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa sistem takaful berlandaskan syariah sedang pesat berkembang dan memerlukan sokongan umat Islam dalam usaha untuk memartabatkan sistem muamalat Islam. Sehubungan itu, Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang mempromosikan produk insurans konvensional yang jelas berasaskan sistem riba. Walau bagaimanapun, pendapatan atau komisyen yang diterima dalam proses transisi dari sistem konvensional kepada takaful adalah dimaafkan.

Tarikh : 25 April 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (58)

Saya yang menjalankan amanah



(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak